

Pencalonan Zakri diragui

PENCALONAN pesilat kebangsaan, Zakri Ibrahim, untuk Anugerah Putera/Puteri Sukan MSSM-Milo '87 pada 4 Mac ini, dikatakan mungkin menerima bantahan kerana silat olahraga bukan acara kalender sukan MSSM, lapor **MOHD RAHIME YUSOFF**.

Pemenang pingat perak Sukan SEA Jakarta dan pingat gangsa Kejuaraan Silat Sedunia tahun lalu itu, dipercayai terlalu kuat kepada calon-calon lain bagi memenangi hadiah \$12,000 dalam bentuk biasiswa.

Pesilat yang dicalonkan oleh Majlis Sukan Sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan (MSSWP) itu disenaraikan bersama 13 calon lain.

Mereka yang dicalonkan untuk Anugerah Putera Sukan MSSM-Milo ialah Rosli Kasim (tenis), Roslan Bakar, Edward Jaipal Ebenezer, Lou Cwee Peng, Nur herman Majid, Koh Kwang Boon, (olahraga), Lee Chee Keen, Leong Chin Tung, Benjamin Choo Choon Bon (renang), Soo Yoke Poong (bola tampar), Abdul Jalil Manan (bolasepak), Jude Rangkapajouw (ragbi) dan Mazlan Mohd Noor (separtakraw).

Calon Puteri pula ialah Salina Kassim, Oamarina Othman, Fang Suat Lim (bola jaring), May Tan Seok Khoo, Jenny Lui Tet Yun (renang), Nokalamah a/p Sanase, Ooi Juat Khoo, Au Lai Ban, Adeline Leong lai Yee, Woon Siew Gian (olahraga), Deviswari (hoki), Tai Mong Lian (bola kerajang), Cham Swee Ying (squash), dan Chan Bee Kimp (bola tampar).

Menteri Pendidikan, Anuar Ibrahim, akan menyampaikan anugerah itu yang akan diadakan di Auditorium Besar Dewan Sivik, Petaling Jaya.

Pemenang anugerah itu akan menerima hadiah \$1,000 setiap tahun bagi tempoh tiga tahun berturut-turut. Jika berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi, akan menerima \$3,000 setiap tahun bagi tempoh tiga tahun lagi.

Bantahan dikatakan boleh berbangkit kerana silat olahraga tidak disenaraikan dalam kalender sukan MSSM, sedangkan kategori pemilihan berdasarkan penyertaan dalam sukan MSSM.

Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Anugerah, Datuk Mohd Husin Ahmad, tidak menolak kemungkinan satu anugerah khas disediakan untuk Zakri jika silat olahraga ditolak kerana tidak ada dalam kalendernya.

26 FEB 1988


B. Harian (M)

Tahun lalu, MSSM-Milo terpaksa menyediakan anugerah khas kepada pemenang pingat perak Sukan Asia Seoul, R Selvamuthu kerana masalah yang sama. Anugerah Putera-Puteri Sukan MSSM-Milo dimenangi oleh K Embaraj (hoki) dan May Tan (renang).

Bercakap dalam sidang akhbar semalam, Datuk Mohd Husin berkata, keputusan pemenang akan dibuat oleh jawatankuasa pemilihan yang dipengerusi oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Dr Leo Michael Toyad.

Sementara itu, Setiausaha MSSM, Ahmad Marican, memberitahu pihaknya tidak menyedari Zakri Ibrahim turut disenaraikan untuk pencalonan itu.

Katanya: "Kami menerima pencalonan dari MSSWP itu tetapi tidak sedar sukan itu tidak ada dalam kalender sukan MSSM."



KEISTIMEWAAN JADI PILIHAN: Seni silat, dengan setiap pergerakannya mempunyai pengertian dan fungsi yang tersendiri, mendapat perhatian pakar perayaan dari Amerika Syarikat, Cik Marilyn Wood, bagi acara pembukaan Pesta Seni pada Mei ini.



CIK WOOD: Cuba hidupkan pergerakan silat dalam bentuk persembahan masakini dengan teknik yang sophisticated.